

**SENI, SENI HIAS, SENI REKA, REKA BENTUK
DAN ESTETIKA DARIPADA PERSEPSI UMUM
DAN ORANG MELAYU**
*(GENERAL AND MALAY PERCEPTION OF ART, DECORATIVE ART,
ART DESIGN, DESIGN AND AESTHETICS)*

Haziyah Hussin
Salmah Abu Mansor
Rahilah Omar
Hapsah Ismail
Aminuddin Hassan

Abstrak

Seni merujuk kepada reka bentuk dan karya sesuatu kraf atau produk yang dihasilkan oleh seniman yang menyenangkan khalayak. Seniman merupakan individu yang kreatif yang dapat menghasilkan sesuatu karya yang melalui beberapa proses seperti kreativiti dan membuat lakaran. Seni hias pula merupakan seni tampak yang mempunyai kaitan dengan proses reka bentuk satu kraf. Dalam penghasilan seni atau reka bentuk, elemen reka bentuk seperti garisan, warna, bentuk dan tekstur telah digunakan untuk menghasilkan sesuatu reka bentuk kraf. Seni dan seni hias mengikut perspektif orang Melayu merupakan keindahan yang menarik minat, pandangan dan perasaan. Dalam masa yang sama, estetika dan kecantikan kraf mereka selalunya berkait dengan latar belakang budaya mereka.

Abstract

Art refers to design and the creation of a craft or product by a craftsman, which aims to evoke a pleasant feeling in the beholder. An artist is an

individual capable of producing a creative piece of work that has undergone various creative processes including sketching. Ornamentation is associated with visual art in the process of producing a craft. In the creation of art and design, elements such as lines, colour, forms and texture are brought into play to create a design for a particular craft. From the Malay perspective, art and ornamentation serve to attract a beholder's visual sense, his interest and soul. At the same time, beauty and aesthetics in the Malay crafts are intimately related to their cultural background.

Pengenalan

Penulisan ini menjelaskan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan konsep seni, reka bentuk dan estetika yang dapat membantu bagi memahami ragam hias kraf tempatan. Perkara yang dibincangkan merangkumi pengertian secara umum dan mengaitkan pula dengan pengertian mengikut perspektif orang Melayu. Dari sudut reka bentuk pula, perkara yang akan dibincangkan berkaitan dengan reka bentuk secara umum dan reka bentuk secara khusus, iaitu perkara yang khusus tentang seni hias dan seni reka orang Melayu. Perkara yang terakhir yang dibincang di bahagian ini, ialah berkaitan dengan pengertian seni dan estetika secara umum, dan secara khusus dari sudut orang Melayu. Walau bagaimanapun tiap-tiap perkara di bahagian ini mempunyai kaitan antara satu sama lain.

Seni dan Seniman

Perkataan seni, atau 'art' dalam bahasa Inggeris berasal daripada perkataan Latin iaitu 'ars', yang membawa makna kemampuan dan keupayaan menghasilkan sesuatu secara kawalan sedar yang merangsang kepada penghasilan bentuk visual (Read, 1959). Dari segi pengertian seni pula, seni diertikan sebagai usaha untuk mencipta sesuatu bentuk yang menyenangkan (Sidi Gazalba, 1977). Seni yang menyenangkan boleh menyumbang kepada penghayatan yang mempunyai hubungkait antara karya dan pelihat (Read 1959). Etika menjadi penentu baik dan buruk sesuatu hasil seni, manakala estetika menjadi penentu keindahan dan keburukan sesuatu seni pula ditentukan oleh estetika (Sidi Gazalba, 1977). Dalam banyak hal, kesenian biasanya lebih menekankan kepada

sesuatu perkara atau suasana yang mementingkan aspek keindahan dan bukan menekankan kepada aspek gunaan (Syed Ahmad Jamal, 1992).

Seni bagi sesuatu kraf pula mempunyai perkaitan dan persamaan dengan perkataan 'manual' atau corak pekerjaan yang lebih menggunakan tangan. Berkaitan dengan perkara ini, tenun juga digolongkan dalam kraf tradisi. Kraf yang dihasilkan oleh seniman merangkumi dua perkara, iaitu seni dan reka bentuk yang dikategorikan sebagai aktiviti secara kecil-kecilan yang menggunakan tangan. Individu yang terlibat dalam kraf selalunya melalui beberapa proses seni reka dan dikaitkan dengan aktiviti yang inovatif. Seniman merupakan individu yang kreatif, samalah seperti seorang pelukis membuat eksperimen atau lakaran pada material, yang melibatkan teknik, bentuk, warna dan imaginasi.

Dalam tulisan Collingwood yang berjudul, *Theory of Art As a Psychological Stimulus* yang dirujuk dalam Werhane (1984), menyatakan bahawa hasil seni ialah artifak yang dihasilkan '*to arouse certain states of mind in his audience*' (untuk membangkitkan perasaan tertentu di kalangan pemerhati seperti tujuan seorang seniman '*to arouse of certain kind of emotion; to stimulate certain intellectual activities and to stimulate a certain kind of action*' (untuk membangkitkan jenis emosi tertentu, untuk merangsang kegiatan intelektual dan untuk merangsang jenis tindakan tertentu). Mengikut beliau juga, proses yang dilalui oleh seniman sama seperti proses yang dilalui oleh *craftmen* (tukang). Berdasarkan kenyataan Plato pula, proses yang melibatkan penyalinan atau peniruan menghasilkan semula merupakan naluri semula jadi seorang seniman. Beliau memberi contoh bagaimana menghasilkan sesuatu yang dapat memenuhi keperluan gunaan seperti bagaimana seniman menghasilkan katil dan kerusi dalam keadaan sempurna dan juga mempunyai nilai kreativiti.

Berkaitan dengan teori tentang bagaimana seniman melahirkan karya dalam bentuk artifak pula dikaitkan dengan perkara teknikal yang lebih terikat kepada prinsip atau teori gunaan (Collingwood yang dipetik dalam Werhane, 1984). Berkaitan dengan imej daripada objek atau artifak pula, Plato turut mengulas bahawa istilah 'mimetic' (gambaran fikiran) merupakan gambaran yang didapati oleh seniman dan bukannya menyalin kerana seniman bukanlah mesin pencetak tetapi lebih dikaitkan

dengan proses yang diikuti melalui proses pemikiran dan imej (Walker, 1989).

Seni Hias

Konsep karya seni tampak diutarakan oleh Tolstoy (1924) yang dipetik dalam Beardsley (1966) sebagai:

“Art is a human activity consisting in this, that one man consciously by means of external signs, hands on to other feelings he has lived through, and that others are infected by these feelings and also experience them” (p. 173).

Seni ialah suatu kegiatan manusia apabila seseorang secara sadar melalui gambaran tertentu, menyatakan perasaan yang pernah dilaluinya, dan orang lain pula tercuai oleh perasaan ini lalu mengalaminya sendiri (hlm.173).

Manakala Kraffke (1935) yang dipetik daripada Gibson 1986, menjelaskan karya kreatif sebagai suatu karya yang mempunyai daya tarikan yang dapat mempelawa pelihat atau khalayak. Mengikut teori seni yang dikemukakan oleh Mohamed Najib (1995) pula, karya seni kreatif yang melibatkan seniman, merupakan kerja yang harus melalui beberapa tahap dan proses pengkaryaan yang bertitik tolak daripada penggunaan akal yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T kepada manusia. Mengikut beliau kegiatan ini merangkumi:

Bahan Mentah → Input Mental → Objek à Subjek

Berdasarkan konsep di atas, proses seni peringkat pertama yang dikemukakan ialah pemilihan bahan mentah yang dipilih, diproses oleh pengkarya atau pembuat. Peringkat ini telah melibatkan penglihatan mental dan tenaga buruh pembuat. Ia melibatkan tahap pengkarya atau pembuat dalam memindah imej mentalnya yang bersifat ‘preconceived’ (gagasan) kepada bahan yang terdiri daripada bentuk permukaan seperti kanvas atau kain putih. Peringkat kedua pula ialah merupakan bahan seni yang dibuat dalam bentuk imej. Selepas peringkat ini barulah sesuatu

karya itu dibuat penilaian oleh khalayak mengikut kemampuan masing-masing. Dalam hubungan komunikasi objek dan pentafsir ini, telah berlaku perhubungan dua hala, sebelum penilaian seni berlaku. Seni Melayu turut melibatkan seniman, dan juga proses yang dilalui boleh dikatakan karya seni atau hasil seni (Mohamed Najib, 1995).

Seni Reka

Seni reka dikaitkan dengan banyak bidang, seperti grafik, fesyen, hiasan dalaman, kejuruteraan, seni bina, industri dan produk (Walker, 1989). Perkataan seni reka meliputi susunan bentuk sesuatu corak yang melibatkan perancangan dan bukannya sesuatu yang dihasilkan secara tidak sengaja. Dalam banyak perkara, seni reka ialah sesuatu yang kreatif dan ciptaan merupakan sesuatu karya yang tidak mempunyai jawapan yang tepat bagi permasalahan. Hasil seni reka merupakan sesuatu yang dapat disampaikan oleh perejanya kepada khalayak yang melihatnya. Perkataan kreatif dalam seni reka pula, bererti satu penyelesaian yang dikaitkan dengan keaslian, imajinatif dan unik (Lauer, 1990) dalam seni tampak.

Kalau ditinjau dari segi ciri seni reka pula, ia boleh dikaitkan dengan proses penghasilan produk, dan juga pandangan keseluruhan tentang sesuatu produk yang berubah mengikut peredaran masa. Contohnya, semasa Renaissance (pembaharuan), teori seni reka seperti 'vasari' merupakan asas kepada seni tampak yang juga merupakan asas kepada kreativiti.

Reka Bentuk

Perkataan reka bentuk pula berkait rapat dengan kaedah penghasilan. Pengkhususan dalam bidang reka bentuk biasanya lebih melihat pada hasil atau imej pada sesuatu seni atau kraf. Dalam perkara ini, seni reka dikaitkan dengan perkataan komunikasi, iaitu satu tindak balas seni yang dihasilkan kepada khalayak. Komunikasi tampak dan idea seperti garisan, warna dan bentuk lebih berkesan bagi menerangkan sesuatu kepada khalayak. Dalam banyak keadaan, komunikasi terhasil atau boleh dicapai dengan penggunaan simbol dan imej 'pictorial' (imej bergambar) kepada

khalayak dalam bentuk tema atau mesej yang dilahirkan daripada elemen reka bentuk seperti garisan, warna, bentuk dan tekstur (Lawson, 1994).

Reka bentuk digolongkan kepada dua perkara, iaitu produk dan proses. Produk selalunya dikaitkan dengan hasil, manakala proses pula ialah 'planning, organizing to meet a goal, carrying out according to a particular purpose, creating' (perancangan, pengelolaan untuk memenuhi matlamat, pelaksanaan menurut tujuan tertentu, penciptaan). Dua perkara ini telah melibatkan dua unsur, iaitu sumber asli dan buatan manusia (Davis, 1990). Dari segi kefahaman tentang reka bentuk pula, ia merangkumi kefahaman tentang persamaan dan perbezaan. Bagi memahami perkara ini, seniman harus mengalami proses awalan dan akhiran dalam reka bentuk. Dalam hal ini, perkara yang mempunyai kaitan dengan penghasilan reka bentuk ialah lukisan.

Dalam penghasilan reka bentuk pula, selalunya seniman harus membuat manipulasi bagi melahirkan kebebasan. Dalam proses ini, seniman membuat perubahan dan penyesuaian bagi penyelesaian masalah untuk melihat kesan. Proses ini diikuti dengan melukis sehinggalah masalah dalam reka bentuk dapat diselesaikan dalam kraf. Sebagai seniman, dua perkara yang harus difahami, iaitu seni dan sains, selain tahu melukis. Dalam hal ini, seni reka merujuk pada proses penyelesaian masalah yang dilalui oleh seniman atau pereka yang melibatkan satu aktiviti yang dipanggil reka bentuk (Lawson, 1994).

Reka bentuk ialah unsur yang mempunyai kaitan dengan fungsigunaan dan juga fungsi hiasan yang melibatkan proses. Berkaitan dengan fungsigunaan, reka bentuk yang dihasilkan dalam sesuatu bidang atau perkara lebih menjuruskan kepada proses penghasilan sesuatu yang dapat dihayati dan praktik. Dalam penghasilan sesuatu yang melibatkan fungsi hiasan pula, ia melibatkan daya kreativiti berbanding dengan prinsipgunaan. Proses penghasilan sesuatu yang melibatkan reka bentuk pula melibatkan tiga perkara yang penting, iaitu memikir, melihat dan membuat. Reka bentuk bukanlah melibatkan proses secara urutan tetapi proses yang dilakukan secara bertindan. Dalam konteks ini, dalam penghasilan sesuatu, proses yang melibatkan pemikiran amat penting bagi penyelesaian kepada permasalahan dalam reka bentuk. Selain proses

memikir, proses yang melibatkan penglihatan merupakan proses bagaimana seniman mendapat idea, manakala membuat pula bererti bagaimana seniman membuat eksperimen secara visual (pandangan) yang berkaitan dengan arah tuju dalam reka bentuk yang melibat rangsangan pemikiran (Lauer, 1994).

Seni, Seni Hias, Seni Reka dan Reka Bentuk dari Sudut Orang Melayu

Seni dan Seni hias merupakan sesuatu yang membawa makna membentuk dan menggayakan keindahan sehingga terhasilnya 'ornament' (hiasan). Hiasan yang dihasilkan pula merupakan sesuatu yang menampilkan nilai estetika yang mengandungi falsafah dan lambang berdasarkan kepercayaan dan pandangan umum sesuatu masyarakat yang menghasilkannya (Zakaria Ali, 1993). Istilah seni hias berkait dengan motif dan juga reka bentuk yang terdapat dalam seni bina, kraftangan, seni halus dan grafik merupakan sesuatu yang merangsang kepada kreativiti seorang seniman. Dalam kesenian Melayu, seni ialah satu cabang seni rakyat juga merupakan perangsang kepada perkembangan seni hias yang lebih berbentuk 'non-verbal' (tanpa kata-kata) dan tiga dimensi (Siti Zainon, 1986).

Dalam seni hias sesuatu seni reka, unsur teknikal harus juga diberi perhatian kerana hiasan yang unik terhasil daripada gabungan idea dan teknik. Dalam konteks ini, seni dan teknik dikaitkan dengan usaha mempelajari reka bentuk dan merancang sesuatu aktiviti dalam reka bentuk yang berkait rapat dengan gambaran fikiran seseorang seniman (Christie, 1969) sehingga terhasilnya seni hias.

Dalam kesenian Melayu, seni yang dilahirkan oleh masyarakat Melayu merupakan alat kepada budaya yang dikenal sebagai peralatan budaya. Dari sudut antropologi pula, seni atau seni hias merupakan model kepada peralatan budaya yang bersama-sama menentukan perkembangan sesuatu budaya. Berkaitan dengan seni hias orang Melayu, dua perkara yang selalu diambil kira, iaitu gunaan dan hiasan. Seni yang melibatkan gunaan dan hiasan ini kebiasaannya terdapat dalam kesenian rakyat. Ia juga sering merujuk kepada seni peralatan budaya tradisi yang

dikaitkan dengan 'peasant art' atau kesenian desa yang bermula dari zaman primitif lagi (Wan Abdul Kadir dan Mohd. Taib, 1986). Seni atau seni Melayu mempunyai kaitan dengan asas kebudayaan setempat yang berkembang sehingga terhasilnya tekstil yang dimiliki sebagai keperluan peralatan bagi tujuan gunaan dan juga perhiasan.

Tekstil ialah salah satu cabang kraftangan kraf yang mempunyai kaitan dengan seni. Seni ini pula melibatkan sesuatu penghasilan atau sesuatu yang halus yang mempunyai kaitan dengan 'fine art' (seni halus). Dalam penghasilan seni ini, banyak perkara yang perlu diambil kira bagi mencapai kesenian halus seperti bentuk, struktur,imbangan, komposisi, warna dan tema (Zakaria Ali, 1993).

Hasil seni, khususnya seni tekstil merupakan seni yang berkaitan dengan kreativiti yang dihasilkan melibatkan tata hubungan manusia dengan bentuk yang menyenangkan (Sidi Gazalba, 1977). Dalam aktiviti kesenian pula, ialah sifat semula jadi orang Melayu yang sukakan seni telah menjadikan mereka sebagai menjadi satu bangsa yang pandai mengolah berbagai-bagai budaya asing sehingga dapat menjadikan keperibadian Melayu. Dalam hal ini, bangsa Melayu bukanlah satu bangsa yang pasif menerima budaya asing, malah merupakan satu bangsa yang aktif dan kreatif yang menyumbang kepada perkembangan budaya (A. Aziz Deraman, 1985). Kesenian dalam tekstil yang dihasilkan oleh orang Melayu merupakan satu seni tampak yang melibatkan suatu aktiviti dan jiwa, sehinggakan ia telah menarik minat, pandangan dan perasaan.

Estetika: Konsep Keindahan Secara Objektif dan Subjektif

Mengikut Webster, estetik ialah pembelajaran tentang falsafah kecantikan dan ia juga merupakan pandangan luar sesuatu hasil seni (Weitz). Perkataan ini berasal daripada perkataan 'aisthetikos' yang bermaksud sensitif. Perkataan itu berkembang daripada perkataan 'aisthannesthai' yang bermaksud 'to perceive' (tanggapan). Estetika merupakan satu cabang falsafah keindahan, dari sinilah kriteria andaian rupa luar sesuatu seni dinilai (Beardsley, 1966). Kamus Dewan (1979) turut memberi pengertian estetik sebagai kecantikan, keelokan atau perihai yang menerangkan sesuatu yang indah.

Fry dalam artikelnya *An Essay In Aesthetics* dalam buku Morris Weitz (1959) yang berjudul *Problems In Aesthetics* menyatakan tentang konsep keindahan dalam seni. Mengikuti beliau, sesuatu objek yang dicipta untuk menimbulkan kesan keindahan seharusnya mempunyai fungsi yang bukan sahaja boleh digunakan tetapi dapat melahirkan rasa menggembirakan atau menyenangkan hati. Sidi Gazalba (1977) pula, dalam bukunya *Pandangan Islam Tentang Kesenian* menyatakan bahawa teori tentang keindahan yang dikemukakan oleh ahli falsafah sejak dahulu lagi dapat dibahagikan kepada teori lama yang bersifat metafizikal manakala teori moden yang bersifat psikologikal. Baginya akal bukan sahaja memiliki deria fikiran dan kemahuan (nafsu), malah memiliki deria rasa yang boleh merangsangkan penghasilan dan penilaian seni yang halus.

Sidi Gazalba (1977) dan Bearsley (1966) turut mengemukakan teori keindahan yang dikemukakan oleh ahli falsafah metafizikal dan psikologikal oleh Plato, Plotinus dan Hagel. Mengikuti mereka, teori keindahan yang dikemukakan oleh ahli falsafah tentang keindahan mempunyai persamaan dengan kebenaran, kebaikan dan yang mutlak ('Beauty=truth=the good=the absolute'). Perkara ini telah disokong oleh Othman Mohd. Yatim (1989), yang turut menyatakan keindahan selalunya dikaitkan dengan rasa yang menggembirakan, menyenangkan, memuaskan yang baik dan dihargai. Beliau menambah lagi, sesuatu yang menggembirakan dan menyenangkan biasanya rasa yang lahir daripada khalayak terhadap objek yang indah, yang dikatakan mempunyai seni dalam konteks kebudayaan dan kesenian yang berfungsi memenuhi nilai estetik.

Menurut Ku Zam Zam (1984), dalam menghayati estetika atau keindahan, khalayak seni akan tertarik kepada sesuatu objek yang indah boleh menyebabkan timbulnya rasa persatuan yang sejati dengan objek itu sehinggakan melahirkan kebebasan dan kesempurnaan pada jiwa. Rasa yang menggembirakan atau menyenangkan itu akan wujud apabila individu itu ditemukan dengan objek-objek yang indah yang selalunya dikatakan mempunyai seni (Ku Zam Zam). Dalam konteks kebudayaan, bidang yang berfungsi memenuhi nilai estetik manusia ialah bidang kesenian.

Dari segi psikologi, keindahan merupakan sesuatu yang dapat dinilai oleh pancaindera atau deria rasa. Dalam perkara ini, akal memiliki deria rasa fikiran atau kemahuan (nafsu) dan juga deria rasa. Deria rasa pula mempunyai kepentingan yang berbeza dengan inderia rasa yang lain seperti makanan dan juga undang-undang moral yang mempunyai kepentingan yang berbeza. Dari segi penilaian pula, keindahan adalah lebih bersifat ideal yang bukan berkaitan dengan fakta sahaja. Dalam konteks ini, sesuatu karya atau seni yang indah bukanlah hanya semata-mata terletak pada karya atau seni itu tetapi ia adalah satu perasaan yang dihayati oleh khalayak ketika meneliti. Hasilnya, sifat keindahan yang lahir daripada khalayak akan mewujudkan satu kepuasan dan kesenangan yang dapat disebut sebagai estetika (Ku Zam Zam, 1984 dan Othman Mohd. Yatim, 1989).

Read (1968) dalam bukunya, *The Meaning of Art* mendefinisikan seni sebagai usaha untuk mencipta bentuk yang boleh melahirkan rasa kesenangan hati. Mengikut beliau juga, seni yang menyenangkan boleh menyumbang kepada perasaan yang dialami oleh pemerhati. Jadi dalam menilai seni, khalayak yang lebih menghayati seni akan melahirkan satu perasaan suka dan senang pada jiwanya.

Ku Zam Zam (1984), menjelaskan bahawa kesenian berkait rapat dengan budaya kerana ia merupakan sebahagian daripada budaya. Antara unsur budaya yang melahirkan kesenian ialah agama dan kepercayaan, adat istiadat dan juga bahasa. Mengikut beliau, biasanya masyarakat membentuk keseniannya yang tersendiri berdasarkan pengalaman dan kehidupan yang dilalui. Kesenian merupakan pendorong kepada seseorang untuk bertindak dan mengakibatkan berkembangnya ruang lingkup perasaan seseorang. Dalam menghayati seni, penghasilan seni yang dapat memberi kepuasan pada deria penglihatan terbahagi kepada dua, iaitu seni rupa dua dimensi yang terdapat pada seni tekstil, dan seni rupa tiga dimensi yang dikenali sebagai seni tampak yang terdapat pada seni ukir.

Moore (1942), menyarankan bahawa nilai keindahan sesuatu bentuk itu dapat diukur melalui dua sudut, iaitu sudut objektif dan subjektif. Dari sudut objektif, ciri-ciri yang dinilai adalah seperti bentuk objek atau karya itu. Bentuk karya yang menumpukan kepada aspek-aspek yang

nyata adalah berasaskan elemen reka bentuk seperti warna, bentuk luar (shape), garis, tekstur, nada dan sebagainya. Selain bentuk penilaian, keindahan secara objektif juga mengambil kira idea atau isi sesuatu karya itu. Idea yang dimaksudkan disini merupakan gabungan kebijaksanaan daya pemikiran, imaginasi dan emosi seseorang seniman dalam melahirkan karyanya. Untuk melahirkan sesuatu karya yang harmoni, pencipta haruslah dapat menyatukan elemen reka bentuk yang merangkumi warna, bentuk dan tekstur dalam bentuk kesatuan dan dalam masa yang sama boleh memberi rangsangan kepada emosi, idea dan imaginasi.

Keindahan secara subjektif diukur dari sudut kegembiraan yang dirasakan hasil daripada khalayak dan penilaian sesuatu karya itu. Untuk menilai keindahan secara keseluruhan, seseorang perlu melihat secara objektif karya itu dan juga merasakan keindahan itu secara subjektif. Penilaian secara subjektif merupakan penilaian yang lebih bergantung kepada objek seni dan penilaian itu sendiri. Dalam perkara ini, penilaian objek seni adalah berbeza antara individu dengan individu yang lain.

Bagi masyarakat Islam, menilai keindahan adalah sesuatu yang digalakkan seperti tercatat dalam hadis Nabi yang membawa maksud 'Allah Itu Maha Indah, Dia Sukakan Keindahan'. (Hadis Muslim). Ciri utama kesenian Islam ialah keindahan, iaitu sesuatu yang cantik, bagus benar, elok dan molek. Jarang sekali keindahan yang dihasilkan oleh orang Islam melahirkan sesuatu bentuk lukisan manusia dan alam yang naturalistik. Antara seni yang dihasilkan seni Islam adalah jenis yang rumit dan dikenal sebagai 'arabesque' (tumbuh-tumbuhan yang digaya menurut sesuatu stail) yang terdiri daripada beraneka bentuk seperti geometrik, tumbuh-tumbuhan yang digaya dan juga kaligrafi (Othman Mohd. Yatim, 1989).

Estetika: Satu Konsep Keindahan Dari Sudut Orang Melayu

Estetika yang berasal daripada sumber Greek yang mempunyai kaitan dengan deria pengamatan yang melibatkan mata yang berfungsi untuk melihat. Dalam proses menikmati estetika sesuatu objek seni, mata merupakan salah satu deria yang boleh menilai estetika. Dalam konteks

ini, estetika mengikut pendapat Socrates ialah sesuatu yang melibatkan imaginasi. Proses imaginasi ini pula ialah bagaimana seseorang menikmati sesuatu karya yang melibatkan perasaan dan emosi (Zakaria Ali, 1987).

Di samping itu estetika juga merupakan ilmu yang didapati daripada apa yang dinilai daripada objek seni. Objek seni yang dilahirkan oleh orang Melayu kebanyakannya berkait dengan keindahan yang tertakluk kepada bahan dan teknik. Bahan daripada alam semula jadi pula merupakan tahap pengalaman yang terpenting bagi orang Melayu. Keadaan alam semula jadi yang kaya dan indah menjadi tarikan kepada seniman Melayu untuk menghasil dan membuat sesuatu untuk keperluan dan kegunaannya. Penggunaan bahan alam yang dihasilkan mereka melibatkan dua perkara, iaitu teknik dan estetika. Teknik dikaitkan dengan kaedah atau proses yang dilalui oleh seniman sehinggakan dapat menghasilkan sesuatu yang mempunyai nilai estetika. Nilai estetika yang dihasilkan dalam kraf orang Melayu ini adalah berkaitan halus, berguna, bersatu, berlawan dan prinsip berlambang (Zakaria Ali,1987) supaya penghasilannya dapat memberi kepuasan kepada pereka dan penghayat kraf atau seni.

Dari segi kehalusan sesuatu seni yang dihasilkan oleh orang Melayu melibatkan cara pembuatan teliti dan bahan yang sesuai dari segi kegunaan. Penghasilan seni yang berguna pula, melibatkan hasil seni yang memenuhi fungsi yang bukan hanya indah dipandang, malah selesa dipegang. Prinsip bersatu pula bermaksud sesuatu hasil seni tidak berakhir dan berhujung (tiada awalan dan akhiran), iaitu motif yang dihasilkan dikaitkan dengan satu bahagian dengan bahagian lain yang boleh mengajak mata menerokai bahagian dalaman. Berkaitan dengan prinsip bersatu, lingkaran belit ialah perkara yang berkaitan dengan prinsip menyatukan, manakala prinsip berlawan merujuk kepada adanya pertentangan yang terkawal di antara dua bahagian. Akhir sekali, prinsip berlambang adalah sesuatu seni yang berkaitan dengan hiasan kerana hiasan merupakan lambang keindahan dan kecantikan yang mempunyai hubung kait antara isi (makna) dan bentuk (Zakaria Ali, 1987).

Mengikut Syed Zulflida (1992), konsep estetika Melayu mempunyai kaitan dengan makna tertentu dalam kesenian seni Melayu itu sendiri.

Tambah beliau keindahan yang digambarkan oleh orang Melayu ialah apa yang dialami melalui pengalaman dan pemerhatian pada alam sekeliling seperti buah, ranting, akar, hutan, pokok, bunga, haiwan, kampung, daun, dahan, alam dan istana. Beliau telah mengulas kesenian Melayu berdasarkan ungkapan pantun berikut:

Buah langsung kuning mencelah,
Senduduk tidak berbunga lagi,
Sudah dapat gading bertuah,
Tanduk tidak berguna lagi.

Dalam hal ini, beliau telah menjelaskan kepentingan motif tumbuh-tumbuhan dalam adat Melayu seperti berikut. Buah langsung merupakan sumber warna (kuning langsung) dan buah langsung yang berbentuk bergugus juga melambangkan 'Gugusan Kepulauan Melayu atau Nusantara'. Ia juga mengaitkan keharmonian dalam susunan, sikap gotong-royong atau perpaduan. Kuning pula warna diraja Melayu, manakala kuning langsung melambangkan kuning pada kulit yang menjadi idaman tradisi Melayu. Di samping itu, kuning ialah warna yang gemilang yang mempunyai kaitan dengan lambang kebesaran dan upacara-upacara adat. Bunga senduduk ialah tumbuhan hutan yang masih terpelihara menghasilkan sumber warna yang menarik. Bunga pula merupakan simbol keindahan bentuk, warna, dan simbol kewanitaan, ia menjadi hiasan pada tekstil, ukiran seperti keris, rumah dan peralatan perahu. Gading, sesuatu yang sangat berharga dan sangat susah untuk mendapatkannya. Warna gading ialah warna yang cerah dan sangat sesuai untuk dibuat ukiran bagi alatan yang berharga. Tanduk pula, berwarna hitam dan kelabu yang didapati daripada lembu dan kerbau yang kurang nilainya berbanding dengan gading. Dalam perkara ini, dapatlah dirumuskan bahawa seni estetika Melayu adalah berdasarkan makna kecantikan dan keindahan mengikut cita rasa dan pengalaman yang didapati dari alam persekitaran sehingga melahirkan keindahan dan estetika mengikut budayanya yang tersendiri.

Maxwell (1994), seorang pengkaji tekstil Asia Tenggara termasuk rumpun bangsa Melayu di Nusantara turut juga mendedahkan kepentingan hiasan pada tekstil mempunyai beberapa keutamaan iaitu sebagai 'elaborate festive garments, symbols of prestige, item of wealth,

religious dan significance' (sebagai pakaian mewah untuk upacara yang melambangkan taraf, kemakmuran, keagamaan dan kepentingan). Beliau menambah, kepentingan itu telah mendorong tekstil yang dihasil oleh seniman Melayu dihalusi secara zahir dan batin. Dalam konteks ini bermakna tekstil yang dihasilkan melibatkan warna dan teknik sehingga dapat menghasilkan suatu nilai estetika dan keindahan. Mengikut beliau juga, dari sudut estetika, kriteria menilai kecantikan sesuatu tekstil bergantung kepada tekstur sesuatu bahan, keahlian dalam kraf seperti 'richness of the colours dan the clarity and intricacy of the patterning and design' (kepelbagaian warna-warni dan kejelasan dan kehalusan pola dan reka bentuk).

Mengikut Ku Zam Zam (1984 & 1989), alam sekitar merupakan sesuatu yang menjadi sumber yang penting dalam penghasilan motif orang Melayu. Kebanyakan corak yang dihasilkan oleh orang Melayu biasanya adanya hubungan harmoni antara kehidupan mereka dengan alam sekeliling. Berkaitan dengan seni hias ini, penghasilan kraf tukang Melayu adalah bertitik tolak dari rasa kesedaran terhadap keperluan gunaan dan estetika atau keindahan. Tambah beliau, sebelum seni istana berkembang, terdapat golongan luar istana iaitu seniman dari rakyat biasa yang dibawa ke istana untuk mengubah seni kraftangan yang lebih bermakna dari sudut estetik bagi keperluan istana dan juga bangsawan. Dalam perkara ini, imaginasi dan daya kreativiti menghasilkan reka bentuk serta kemahiran adalah merupakan perkara yang telah diberi dorongan dan keutamaan sehingga terhasilnya motif dan corak tekstil yang unik dan luar biasa yang dilahirkan oleh tukang yang terdiri daripada gadis dan wanita desa.

Seni Melayu merupakan satu seni yang dihasilkan berlandaskan karya yang tidak bercanggah dengan Islam. Estetika seni atau kraf Melayu merupakan sesuatu penghasilan yang mementingkan pemilihan motif yang menyelitkan perkara yang terikat kepada lunas-lunas etika Islam. Kraf Melayu yang bercorak Islam ini juga telah mengubah pemilihan penghasilan motif daripada kehidupan yang dipengaruhi agama semasa Hindu yang diamati sebelum ini kepada motif daripada tumbuh-tumbuhan atau alam semula jadi yang tidak bercanggah dengan nilai Islam. Selain itu, unsur Islam ini juga telah menggalakkan susunan motif yang berbentuk geometrik yang menitikberatkan prinsip harmoni dan

kesatuan garisan yang tidak bercanggah dengan Islam (Othman Mohd. Yatim, 1989 dan Abdullah Mohamed, 1990).

Rumusan

Seni ialah hasil ciptaan sesuatu reka bentuk yang mempunyai hubungkait antara karya dan pelihat. Seniman pula merupakan tukang yang menghasilkan bahan seni mengikut proses tertentu. Seni hias akan melibatkan seni hasil kerja seniman yang kreatif yang mempunyai daya tarikan yang dapat mempelawa pelihat. Seni reka ialah susunan hasil ciptaan dan produk dalam pelbagai bidang seperti grafik, fesyen dan lain-lain. Reka bentuk melibatkan elemen dan prinsip reka bentuk yang melalui proses tertentu yang dapat menghasilkan produk yang mempunyai fungsigunaan dan hiasan. Akhir sekali seni dari sudut orang Melayu pula merupakan reka bentuk dalam bidang tertentu seperti kraftangan, seni halus dan sebagainya yang mempunyai kaitan dengan budaya Melayu. Teori estetika dan keindahan mengikut kaca mata orang Melayu pula mempunyai kaitan dengan keindahan melalui pengalaman dan pemerhatian alam persekitaran yang mempunyai kaitan dengan budaya itu sendiri. Seni Melayu pula ialah seni yang terikat dengan etika Islam dan dalam masa yang sama mempunyai unsur pengaruh Hindu. Estetika dan keindahan merujuk kepada kecantikan dan keelokan yang dapat melahirkan hasil seni yang indah. Keindahan sesuatu bahan yang dihasilkan dapat melahirkan perasaan yang gembira, senang dan memuaskan jiwa seseorang.

Bibliografi

- A. Aziz Deraman (Disember 1985). *Falsafah Kebudayaan Kebangsaan. Dewan Budaya*, hlm. 39-43.
- Beardsley, Monroe C. (1966). *Aesthetics from Classical Greece to the Present*. New York: The Macmillan Co.
- Christie, Archibald H. (1969). *Pattern Design*. New York: Dover Publications, Inc.

- Davis, Marian L. (1990). *Visual Design in Dress*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall, Inc.
- Gibson J. (1986). *Psychology of Perception*. New York: Cornell University Press.
- Kamus Dwibahasa* (1979). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Ku Zam Zam Ku Idris (Jun 1984). Nilai Keindahan Dalam Seni Kraftangan Melayu. *Dewan Budaya*, hlm. 40-43.
- Lauer, David A. (1990). *Design Basics*. Fort Worth: Holt Rinehart dan Winston Inc.
- Lawson, Bryan (1994). *How Designers Think*. London: Butterworth Achitecture.
- Mohamed Najib Ahmad Dawa (1995). *The Symbolism of Batik From Kelantan, Malaysia, Its Origins and Transformation*. Ph. D Tesis, The Manchester Metropolitan Universisty.
- Moore, J.S. (1942). Beauty as Harmony. *Journal of Aesthetics and Art Citism*.
- Othman Mohd. Yatim (1989). *Warisan Kesenian Dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka
- Read, Herbert (1959). *The Meaning of Art*. Ringwood, Victoria: Penguin Books Inc.
- Sidi Gazalba (1977). *Pandangan Islam Tentang Kesenian*. Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Antara.
- Siti Zainon Ismail (1986). *Reka Kraftangan Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Ahmad Jamal (1992). *Rupa dan Jiwa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Walker, John, A. (1989). *Design History and the History of Design*. London: Pluto Press.
- Wan Abdul Kadir (1986). *Budaya Popular Dalam Masyarakat Melayu Bandaran Sebelum Perang Dunia Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Werhane, Patricia H. (1984). *Philosophical Issues in Art*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Zakaria Ali (16-17 Jun 1993). *Rupa dan Jiwa*. Ceramah terbuka di Balai Seni Lukis Negara, Kuala Lumpur, Malaysia.